**Penang Digital Library, 2018** MS 4



**Pulau Pinang rancak tarik pelabur** MS 19



PERCUMA

buletin **Mutiara**

www.buletinmutiara.com

16 – 31 OKTOBER, 2017

http:www.facebook.com/buletinmutiara
http:www.facebook.com/cmlimguaneng




# SKIMAS tanda penghargaan

# Syabas Anak-anak Emas Pulau Pinang!

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB & WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**




**KETUA Menteri, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri, barisan atlet, para jurulatih dan waris-waris yang hadir pada Majlis Sumbangan Cek SKIMAS di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng baru-baru ini menyampaikan sumbangan cek Skim Insentif Kemenangan Sukan Kerajaan Negeri Pulau Pinang (SKIMAS) kepada 22 pemenang pingat emas dalam Kejohanan Sukan Asia Tenggara (SEA Games) Ke-29, serta lima atlet istimewa di Kejohanan Sukan PARA ASEAN Ke-9 (PARA ASEAN).

Katanya, pemberian insentif itu adalah sebagai tanda penghargaan kepada atlet Pulau Pinang yang mengharumkan nama negeri dan negara di persada sukan antarabangsa baru-baru ini.

"Tahniah dan syabas kerana anda semua telah membuatkan kita semua bangga," katanya pada majlis di sini 4 Oktober lalu.

Guan Eng yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih merangkap Ahli Parlimen Bagan turut memuji Nur Azlia Syafinas Mohd. Zais, 19, yang berjaya merangkul empat pingat emas dan satu perak untuk acara berbasikal individu wanita dalam PARA ASEAN yang berlangsung di Kuala Lumpur itu.

"Beliau merupakan satu-satunya pemenang pingat wanita dan juga yang paling muda...inilah salah seorang atlet luar biasa dari Pulau Pinang," jelasnya.

Guan Eng memberitahu, jumlah pemberian insentif kepada para pemenang pingat emas SEA Games 2017 keseluruhannya berjumlah RM86,600, manakala RM53,500 lain kepada para pemenang pingat emas PARA ASEAN.

Sebelum itu, Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng menjelaskan bahawa pemenang pingat emas bagi kedua-dua kejohanan tersebut menerima RM6,000 untuk acara individu atau berkumpulan yang tidak melebihi lima orang atau RM1,500 bagi setiap atlet berkumpulan yang mempunyai lebih lima orang.

Beliau yang juga ADUN Padang Lalang turut merakamkan penghargaan kepada Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP), semua atlet serta waris mereka atas pencapaian bersama dalam dua kejohanan peringkat antarabangsa berkaitan.

Sepanjang Sukan SEA di Kuala Lumpur pada 19 hingga 30 Ogos lalu, seramai 42 atlet- Pulau Pinang yang mewakili negara menyumbang 22 pingat emas, perak (13) dan gangsa (tujuh) dalam acara Memanah, Tenpin Bowling, Wushu, Ekuestrian, Gimnastik Artistik, Karate, Perahu Layar, Boling Padang, Akuatik Terjun Air, Badminton, Hoki Wanita, Hoki Lelaki, Pencak Silat, Sepak Takraw, Olahraga, Snuker & Billiard, Ragbi dan Hoki Ais.

Bagi kejohanan PARA ASEAN yang berlangsung dari 17 hingga 23 September lalu, lapan atlet istimewa Pulau Pinang merangkul 12 pingat emas, perak (tujuh) dan gangsa (dua).

*Rujuk juga muka 14 & 15.*

# Sumbangan Deepavali babit semua kaum cermin keharmonian rakyat Malaysia sebenar - KM

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**BAGAN DALAM -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng memuji Jawatankuasa Perkhidmatan Dato' Seri R. Arunasalam dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menganjurkan Majlis Penyampaian Sumbangan Sempena Hari Deepavali Ke-38, membabitkan penerima daripada pelbagai kaum.

Katanya, penganjuran majlis seumpama itu mencerminkan wajah keharmonian rakyat Malaysia yang sebenar, sungguhpun Deepavali adalah perayaan bagi penganut agama Hindu.

"Terima kasih kepada Datuk Seri R. Arunasalam, selama 38 tahun berturut-turut menganjurkan program kebajikan ini.

"Sumbangan ini bukan terhad kepada satu kaum sahaja apabila kita dapat lihat ada kaum India, ada kaum Melayu dan ada kaum Cina dipilih menerima sumbangan.

"Inilah keunikan Pulau Pinang, keharmonian kaum sebagai wajah sebenar rakyat Malaysia, dan yang lebih penting adalah semangat Kita Sayang Pulau Pinang," jelas beliau yang juga Ahli Parlimen Bagan di Dewan Sree Mariamman, Butterworth di sini 8 Oktober lalu.

Menurut Guan Eng, penganjuran majlis sumbangan berkaitan adalah senada dengan impian Kerajaan Negeri hari ini yang mahu menjadikan Pulau Pinang sebagai 'negeri berkebajikan'.

Turut berucap, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon dan Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy.

Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh; Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti, Lim Hock Seng dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Dalam, A. Tanasekharan turut memeriahkan majlis penyampaian sumbangan bantuan kepada golongan terpilih berkaitan.

Hadir sama, Datuk R. Arunasalam dan Presiden Persatuan Pemenang Pulau Pinang (Pemenang), Tan Sri Mohd. Yussof Latiff.

Turut serta, wakil beberapa pihak penganjur atau penaja program tersebut, antaranya Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Pos Malaysia Berhad, Angkatan Pertahanan Awam, Polis Diraja Malaysia Seberang Perai Tengah (SPT), Pejabat Kesihatan Daerah SPT, Jabatan RELA Daerah SPT, Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri (JPJ), Suruhanjaya Pilihanraya (SPR), Sunquick Malaysia dan Red Bull Malaysia.

Sebelum itu, jurucakap penganjur merakamkan penghargaan kepada para penaja yang menyertai Jawatankuasa Perkhidmatan Dato' Seri R.A..

"Kita berasa gembira kerana lebih banyak lagi NGO (badan bukan kerajaan) di bawah pentadbiran Guan Eng tampil menyertai jawatankuasa tersebut, memberikan bantuan atas semangat kasih sayang kepada golongan terpilih tanpa mengira kaum," jelas wakil kepada Arunasalem.

Lebih 500 golongan terpilih daripada pelbagai kaum menerima sumbangan bantuan berupa sekampit beras serta barang-barang kelengkapan memasak lain, sempena perayaan Hari Deepavali tahun ini.



**KETUA Menteri, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan R. Arunasalam (empat dari kiri) menyampaikan sumbangan kepada salah seorang penerima pada Majlis Penyampaian Sumbangan Sempena Hari Deepavali Ke-38 di sini baru-baru ini.**




Oleh: **ME**

# Kajian kebolehlaksanaan Projek Jambatan Ketiga Pulau Pinang, Kementerian diminta beri kelulusan dasar - Exco

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**



(Dari kanan), LIM Hock Seng, Azmi Khalid dan Zarul Ahmad Zulkifli pada sidang media di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN –** Kementerian Kerja Raya diminta memberikan kelulusan dasar kepada Projek Jambatan Ketiga Pulau Pinang sebelum kajian kebolehlaksanaan terhadap projek berkenaan diteruskan, gesa Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng.

Gesaan tersebut adalah sebagai respons kepada kenyataan Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof bertarikh 9 Oktober lalu yang menyatakan bahawa pihaknya belum menerima laporan kajian Projek Terowong Dasar Laut berkaitan daripada pihak Kerajaan Negeri.

Hock Seng berkata, kajian kebolehlaksanaan bagi Projek Terowong Dasar Laut yang dimulakan pada Februari 2015 telah mencapai kemajuan 92.9 peratus setakat ini.

"Sememangnya, apa yang kita sedang lakukan kajian kini adalah untuk terowong.

"Tetapi, sekiranya pihak Kementerian dapat memberikan kelulusan secara dasar untuk membina jambatan (ketiga), maka sebahagian daripada kajian ini, iaitu data dan maklumat yang diperoleh boleh diguna pakai bagi membuat kajian (kebolehlaksanaan) jambatan.

"Apa yang kita tidak mahu adalah kajian (jambatan ketiga) ini menjadi sia-sia sahaja dan ditolak oleh pihak Kementerian kerana ia melibatkan kos berjuta-juta ringgit kelak.

"Maka, sekiranya mereka (Kementerian Kerja Raya) boleh berikan satu keputusan dasar, maka Kerajaan Negeri akan buat kajian kebolehlaksanaan untuk jambatan ketiga sekiranya diberikan peluang," jelasnya pada sidang media yang diadakan di sini pada 11 Oktober lalu bersama-sama pihak pemaju dilantik, Konsortium Zenith Construction Sdn. Bhd. (Zenith).

Hadir sama, Ketua Jurutera bagi Special Purpose Vehicle (SPV) Kerajaan Negeri, Dato' Ir. Ang Aing Thye; Pengerusi Zenith, Tan Sri Azmi Khalid dan Ketua Pegawai Eksekutif Kanan Zenith, Datuk Zarul Ahmad Zulkifli.

Dalam pada itu, Zarul menyatakan bahawa pihak Zenith kini menumpukan segala sumber dalam melaksanakan projek jalan-jalan utama iaitu Lebuhraya Air Itam ke Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu dan Laluan Berkembar Persisiran Pantai Utara (*North Coast Paired Road*) yang menghubungkan Tanjung Bunga ke Teluk Bahang.

"Untuk projek jalan-jalan utama tersebut, kami (Zenith) masih menunggu kelulusan EIA (Jadual Kedua) daripada pihak Jabatan Alam Sekitar.

"Setelah dua projek tersebut dimulakan, barulah Zenith akan tumpukan perhatian untuk menyiapkan kajian kebolehlaksanaan Projek Terowong Dasar laut tersebut," ujarnya.

Malah, beliau turut menyangkal dakwaan bahawa pihak Kerajaan Negeri telah membuat bayaran untuk kajian projek terowong.

"Tiada bayaran dibuat oleh pihak Kerajaan Negeri untuk projek terowong kerana kajian kebolehlaksanaan untuk projek tersebut masih belum siap.

"Projek terowong ini dijangka hanya akan mula dilaksanakan pada tahun 2023, dan siap empat tahun kemudiannya...maka pihak Zenith merasakan perkara ini tidak begitu penting untuk disiapkan lagi kerana kita tidak mahu bazirkan tenaga dan sumber terhadap kajian tersebut yang belum diluluskan.

"Yang lebih penting kini ialah kelulusan EIA untuk menumpukan kepada pembinaan dua jalan berkenaan," kata Zarul.

# Pengunjung naik 8.4%, KM desak Pusat segerakan projek memperbesar PIA

**GEORGE TOWN -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng sekali lagi mendesak Kerajaan Pusat supaya memperbesar lagi Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA), yang ketika ini terus menerima lambakan pengunjung.

Katanya, PIA dalam tempoh bulan Januari hingga Ogos tahun ini menerima 4,658,772 pengunjung dengan meningkat kira-kira 8.4 peratus, berbanding 4,297,289 orang dalam tempoh sama pada tahun 2016.

"Lambakan pengunjung begitu mendadak...sedangkan kapasiti di lapangan terbang ini (PIA) adalah 6.5 juta orang sahaja.

"PIA bukanlah di bawah Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang, tapi di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan.

"Kita harap kerja-kerja pembesaran lapangan terbanyak ini disegerakan supaya terus menjadi lapangan terbang antarabangsa, bukan pasar malam disebabkan lambakan pengunjung yang kian sesak di sini," tegasnya dalam sidang media bersama-sama Exco Pembangunan Pelancongan, Danny Law Heng Kiang di sini 26 September lepas.

Direkodkan, jumlah pengunjung ke PIA pada bulan Januari tahun ini adalah seramai 565,368 orang, diikuti Februari (537,296), Mac (598,059), April (585,109), Mei (576,480), Jun (587,917), Julai (619,761) dan Ogos (588,782).

"Purata pengunjung dalam sebulan adalah kira-kira 582,346 orang, dengan bulan Julai mencatatkan bilangan pengunjung paling tinggi seramai 619,761 orang," jelas Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih.

Dalam perkembangan berkaitan, peningkatan pengunjung melalui PIA menunjukkan Pulau Pinang terus menjadi antara destinasi pelancongan pilihan negara sehingga kini.

# Tukar nama Menteri Pendidikan kepada 'Menteri Politik', kata Guan Eng

**BAGAN DALAM -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng mencadangkan portfolio Menteri Pendidikan yang ketika ini disandang oleh Datuk Seri Mahdzir Khalid ditukar kepada nama 'Menteri Politik'.

Beliau yang juga Setiausaha Agung Parti Tindakan Demokratik (DAP) Kebangsaan turut mengecam kenyataan Mahdzir yang berdalih kononnya insiden bendera dikibarkan dan lagu Umno berkumandang di Sekolah Kebangsaan Presint 14, Putrajaya pada 3 Oktober lalu adalah tidak bersifat politik dan bukan sesuatu yang luar biasa, serta sempena sambutan Hari Kemerdekaan sahaja.

"Itulah sebabnya saya minta itu Menteri Pendidikan bukan Menteri Pendidikan, tukar namalah jadi Menteri Politik," tegasnya yang juga Ahli Parlimen Bagan selepas Majlis Perasmian Projek Rumah Mampu Milik The Park @ Mak Mandin di sini 7 Oktober lalu.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo turut sertai sidang media itu.

Guan Eng berkata, beliau sendiri dihalang masuk ke sebuah sekolah Cina di Perkampungan Sungai Lembu untuk menyampaikan sumbangan pendidikan pada hari cuti persekolahan baru-baru ini, walhal rombongan Kerajaan Negeri langsung tiada aksi membawa bendera parti atau menyanyikan lagu parti.

Beliau menganggap Kementerian Pendidikan dan Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang seakan memberi layanan berat sebelah ke atas seorang Ketua Menteri Pulau Pinang sahaja, berbanding pemimpin pembangkang di negeri ini.

# PDL Fasa II jangka siap Disember 2018 - KM




**ILUSTRASI grafik bangunan utama PDL Fasa II.**




**ILUSTRASI grafik kafe PDL Fasa II.**

Gambar : **BETA GRAFFIK**

**GEORGE TOWN -** Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang memperuntukkan RM10.8 juta untuk projek pemajuan fasa dua Perpustakaan Digital Pulau Pinang (PDL) selama 10 bulan dan dijangka siap pada akhir Disember 2018.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng memberitahu, projek tersebut akan dilaksanakan di bangunan kuarters Kerajaan Negeri No. 123, bersebelahan PDL sedia ada dekat Penang Free School di sini.

"Apa yang kita bina adalah empat kali ganda lebih besar daripada PDL sedia ada sekarang," jelasnya pada sidang media di sini 10 Oktober lalu.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat; Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti, Lim Hock Seng; Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin turut sertai sidang media tersebut.

Hadir sama, Pengarah Perhubungan Korporat Keysight Technologies Malaysia, Jenny Foo; Pengurus Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) Keysight Technologies, Jerry Yeoh serta Pengarah BETA Arkitek, Ar. Tan Bee Eu.

Sejak PDL fasa 1 dibuka pada 8 Oktober 2016, Guan Eng menyatakan bahawa kemudahan itu menerima pendaftaran atas talian sebanyak 2,800 akaun, 2,400 penggunaan aplikasi *ReadCasa*, 59,000 rekod carian *Google* dengan kedudukan 4.1/5.0 dan 4.2/5.0 di *Facebook*.

Tambahnya, PDL fasa I kemudiannya beroperasi 24 jam sehari mulai 1 Mei tahun ini.

"Sebanyak 1,569 *e-books* disediakan dan bilangan ini akan ditambah sehingga 3,000 sebelum akhir tahun ini," jelas beliau.

Menurut Guan Eng, pemajuan fasa II PDL adalah bertemakan 'Perpustakaan Dalam Taman' dan turut akan operasi selama 24 jam sehari apabila dibuka kelak.

## Pencemaran bakal jejas industri penternakan ikan dalam sangkar, Exco gesa tindakan segera

**JAWI -** Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin bakal mengadakan mesyuarat bersama-sama pihak berkepentingan berkait isu pencemaran laut yang berlaku di tapak pelupusan sampah Pulau Burong dalam tempoh terdekat.

Beliau berkata demikian ketika mengadakan lawatan ke tapak berkaitan bersama-sama beberapa wakil Jabatan Perikanan Pulau Pinang ekoran maklum balas daripada nelayan setempat yang turut menjalankan penternakan ikan sangkar di sini.

**DR. Afif Bahardin (barisan depan, tengah) meneliti beberapa rakaman gambar yang ditunjukkan Tioh Tiang Lai (kanan sekali) pada lawatan dekat tapak pelupusan sampah Pulau Burong di sini baru-baru.**







**KEADAAN di lokasi.**

"Saya akan jemput Jabatan Alam Sekitar (JAS) Pulau Pinang, pihak pengurusan tapak pelupusan sampah Pulau Burong, PLB Terang Sdn. Bhd., Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan wakil nelayan di kawasan ini.

"Saya amat kecewa dengan JAS yang kita jemput hari ini, namun tidak hadir... pada saya kehadiran JAS adalah amat penting kerana mereka lebih pakar dalam bidang ini, terutamanya untuk memberi pendapat dan nasihat berkaitan," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya pada sidang media yang diadakan di tapak bertarikh 11 Oktober lalu.

Hadir sama, Ahli Majlis bagi MPSP, Jason H'ng Mooi Lye dan Pengerusi Persatuan Penternak Ikan Dalam Sangkar Sungai Udang, Tioh Tiang Lai.

Afif dalam pada itu turut melahirkan rasa kecewa terhadap komitmen pihak JAS kerana isu pencemaran tersebut telah beberapa kali diketengahkan.

"Sebelum ini, saya difahamkan bahawa pihak JAS memaklumkan yang air dari tapak pelupusan ini selamat dan tidak tercemar, jadi kita hendak tahu penerangan sebenar," ujarnya.

Mengulas lanjut, beliau menyatakan bahawa perkara yang bakal ditekankan pada mesyuarat kelak adalah berhubung isu-isu mitigasi kebocoran air tapak pelupusan sampah yang perlu diperhalusi, termasuk kaedah pembinaan tebing, sekatan menggunakan konkrit atau sebaliknya.

"Kita hanya boleh lihat dengan mata kasar kesan pencemaran yang berlaku, namun saya percaya bahawa JAS lebih pakar untuk selesai dan beri pendapat tentang kebocoran yang berlaku.

"Ini sangat penting kerana jika tidak diambil tindakan segera, ia bakal menjejaskan industri perikanan negeri.

"Kini, Pulau Pinang merupakan nombor dua dalam sektor penternakan ikan dalam sangkar selepas Sabah, justeru, kita tidak mahu alami kerugian berbilion ringgit ekoran masalah pencemaran ini," tegas Afif.

# RTB Lembangan Sungai Pinang, Pusat buang masa 18 tahun – Exco

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**DATUK KERAMAT -** Di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Datuk Keramat sahaja, Kerajaan Negeri menerima 904 borang permohonan tuntutan bayaran RM400 secara '*one-off*'.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh berkata demikian ketika melawat sekitar Masjid Acheh Kebun Lama, yang dilanda banjir selut dalam dua kejadian pada 15 dan 28 September baru-baru ini.

"Kerajaan Persekutuan telah membuang masa kira-kira 18 tahun untuk melaksanakan projek-projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) di lembangan Sungai Pinang, gagal menyalurkan peruntukan yang sebenarnya telahpun dijanjikan.

"Tetapi Kerajaan Negeri hari ini, sejak tahun 2008, akan berusaha membantu rakyat yang terjejas teruk dalam banjir, antaranya dengan pemberian RM400 secara '*one-off*' ini," tegasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat di sini 29 September lalu.

Bercakap pada sidang media sama, Setiausaha Bandaraya bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Ar. Yew Tung Seang memberitahu, pihaknya menubuhkan satu jawatankuasa khas untuk membantu kerja-kerja pemulihan pasca banjir.

"MBPP juga telah menubuhkan pasukan kecemasan yang bersiap sedia 24 jam, untuk kerja-kerja pemulihan (pasca) banjir, jika diperlukan," jelasnya.




**JAGDEEP Singh Deo (tiga dari kiri) bersama-sama komuniti setempat menggesa Pusat menyalurkan peruntukan bagi pelaksanaan RTB Lembangan Sungai Pinang pada lawatan beliau ke sekitar Masjid Acheh Kebun Lama di sini baru-baru ini.**




# Pulau Pinang tuan rumah Kongres Makanan Laut Sedunia, September 2019

Gambar : **PICEB**

**GEORGE TOWN -** Pulau Pinang dipilih sebagai tuan rumah penganjuran Kongres Makanan Laut Sedunia pada September 2019.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng memberitahu, pengumuman itu sekaligus menjadikan Pulau Pinang sebagai destinasi pertama di Asia Tenggara berhubung penganjuran kongres berprestij berkaitan.

"Selain menjadi satu pengiktirafan untuk Pulau Pinang, melalui kongres ini juga kita (Kerajaan Negeri) dapat belajar serta menimba pengalaman daripada kumpulan pakar dan apa yang perlu Kerajaan Negeri lakukan untuk memperbaiki industri perikanan serta akuakultur tempatan," katanya dalam sidang media di sini baru-baru ini.

Menurut Guan Eng, sektor perikanan Pulau Pinang pada tahun 2016 mencatatkan hasil sebanyak RM1.3 bilion atau USD 300 juta.

"Kami (Kerajaan Negeri) percaya kongres ini akan memberi kesan kepada angka-angka pencapaian sedia ada, serta membawa lebih banyak kesedaran dan inovasi kepada industri perikanan Pulau Pinang, selain mendedahkan piawaian serta amalan dunia kepada pembuat dasar tempatan," jelasnya yang juga Ahli Parlimen Bagan merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih.

Tambah Guan Eng, kongres tersebut akan berlangsung di Pusat Konvensyen Setia SPICE, dengan *Penang Institute* (PI) sebagai tuan rumah penganjur serta disokong oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang, *Penang Convention & Exhibition Bureau* (PCEB) dan Biro Konvensyen & Pameran Malaysia (MyCEB).

Bercakap pada sidang media sama, Ketua Pegawai Eksekutif PCEB, G. Ashwin berkata, pihaknya turut berharap kongres tersebut bakal memberi kesan berantai kepada perkembangan inovasi dalam sektor perikanan tempatan dan rantau Asia.

"Kami berharap Kongres Makanan Laut Sedunia yang akan datang ke Pulau Pinang bakal membantu membuka jalan untuk tuan rumah Asia yang lain pada masa akan datang," ujarnya.

Terdahulu, Presiden IAFI, Carey Bonnell semasa Kongres Makanan Laut Dunia 2017 (WSC) di Reykjavik, Iceland pada 10 hingga 13 September 2017 mengumumkan pemilihan Pulau Pinang sebagai tuan rumah penganjuran kongres bagi tahun 2019.

Kongres Makanan Laut Dunia dimulakan oleh Pertubuhan Makanan dan Pertanian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (FAO) serta Pertubuhan Pembangunan Perindustrian Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNIDO) dan dimiliki oleh Persatuan Antarabangsa Inspektor Ikan (IAFI).

Pertama kali dilaksanakan di Halifax pada tahun 1969, dengan satu institusi tempatan dipilih dari negara tempat penganjuran kongres itu.

Sehingga kini, kongres itu diharap menjadi platform untuk pertukaran maklumat, idea serta metodologi bagi sektor makanan laut, pemeriksaan, pengurusan kualiti dan teknologi pemproses makanan laut.




**POSTER penganjuran Kongres Makanan Laut Sedunia 2019 di Pulau Pinang.**

## Hasrat bina 5 asrama pekerja asing diteruskan – Exco

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri Pakatan Harapan (PH) Pulau Pinang akan meneruskan hasrat membina asrama pekerja asing di lima lokasi telah dikenal pasti sebagai langkah menangani masalah sosial melibatkan warga asing.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata, inisiatif yang pertama kali bakal diwujudkan kini dalam proses pembinaan di Bukit Minyak dan dijangka siap menjelang Ogos 2018.

"Kemajuan semasa projek (asrama pekerja asing) dekat Bukit Minyak kini telah mencapai 40 peratus, dan saya percaya ia akan dapat disiapkan tahun hadapan.

"Asrama (Bukit Minyak) ini bakal menempatkan sehingga 6,000 buah katil," katanya selepas menghadiri majlis keagamaan di Kuil Sri Ramar di Solok York di sini 7 Oktober lalu.

Mengulas lanjut, Jagdeep memberitahu bahawa Kerajaan Negeri telah meluluskan lima permohonan pembinaan asrama pekerja asing sepertimana dalam perancangan, iaitu masing-masingnya di Juru, Permatang Tinggi, kawasan Perindustrian Valdor dan Permatang Damar Laut, selain Bukit Minyak.

"(Asrama) kelima-lima lokasi ini dianggarkan dapat menampung lebih 25,000 pekerja, dan ia lengkap dengan kemudahan seperti dewan, kantin dan sebagainya.

"Selain di kawasan Juru yang kini dalam peringkat perancangan, selebihnya projek (asrama pekerja asing) berjalan lancar," jelasnya.

Tambah Jagdeep yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat, Pulau Pinang mempunyai kira-kira 200,000 pekerja asing.

"Kita (Kerajaan Negeri) sedang mengkaji bagi menampung 10 peratus daripada jumlah tersebut.

"Tujuan asrama ini dibangunkan adalah untuk menyerap pekerja (warga asing) yang kini dipercayai menetap di rumah pangsa yang kadang-kalanya menduduki separuh daripada skim perumahan (pangsa) tersebut," ujarnya.



# Kediaman The Park @ Mak Mandin jangka siap 2019, umum KM

**BAGAN DALAM -** Projek kemajuan empat blok pangsapuri Rumah Mampu Milik (RMM) The Park @ Mak Mandin yang terdiri daripada 780 unit kediaman dijangka siap untuk diduduki pembeli pada hujung tahun 2019.

Mengulas lanjut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang akan terus mencari inisiatif mencukupkan bilangan unit RMM, khususnya rumah Kos Rendah (KR) dan Kos Sederhana Rendah (KSR) untuk rakyat yang benar-benar memerlukan unit kediaman.

"21,535 unit rumah kos rendah (KR) dan kos sederhana rendah (KSR) yang telah dibina (sejak tahun 2008) adalah empat kali ganda berbanding keseluruhan 5,154 unit kediaman yang dibina dalam tempoh sama selama tujuh tahun sebelum ini (era Barisan Nasional, BN), apabila kita mengambil alih Kerajaan Negeri Pulau Pinang," jelasnya yang juga Ahli Parlimen Bagan pada Majlis Pelancaraan RMM The Park @ Mak Mandin di sini 7 Oktober lalu.

Dalam perkembangan lain, Guan Eng turut meminta semua acara pelancaran projek RMM tidak terlalu protokol hatta mengakibatkan rakyat, khususnya para pembeli unit kediaman terpaksa menunggu lama bagi proses pemilihan dan cabutan berwajib.

Bercakap di pentas sama, Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo memberitahu, **sejumlah 36,759 unit kediaman RMM Mengikut Garis Panduan Kerajaan Negeri telahpun diluluskan untuk dimajukan sektor swasta.**

**"Kita (Kerajaan Negeri) bekerjasama membina rumah mampu milik (RMM) dengan pihak swasta kerana Kerajaan Pusat berjanji dan terus berjanji, tetapi sehingga kini masih tiada projek PR1MA (Perumahan Rakyat 1Malaysia) walau satu cerucuk pun ditanam di Pulau Pinang,"** tegasnya.

Guan Eng dalam sidang media selepas itu turut menjelaskan bahawa penduduk asal 'rumah hijau' di sini telahpun ditempatkan semula di Ampang Jajar dengan ditawarkan 'rumah ganti rumah' secara percuma sebelum ini, serta turut diberikan keutamaan membeli unit kediaman RMM The Park @ Mak Mandin pelbagai kategori sehingga harga maksimum RM257,000.

Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy; Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti, Lim Hock Seng yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal; Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar merangkap ADUN Sungai Puyu, Phee Boon Poh dan ADUN Bagan Dalam, A. Tanasekharan turut sertai majlis tersebut.



KETUA Menteri, Jagdeep Singh Deo (tengah) memerhatikan model kediaman The Park @ Mak Mandin pada majlis pelancarannya di sini baru-baru ini.

## Program Penanaman Pokok Ameniti Terbanyak Dalam Tempoh 24 jam, jom!

Teks & Gambar : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**KEBUN BUNGA -** Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Maimunah Mohd. Sharif mengajak komuniti di sini menyertai Program Penanaman Pokok Ameniti Terbanyak Dalam Tempoh 24 jam yang bakal berlangsung pada 11 November ini.



SEBAHAGIAN Ahli Majlis MBPP dan jemputan yang hadir.

Program tersebut dijangka bermula dari jam 8 pagi pada tarikh tersebut dan berakhir pada keesokan harinya (12 November 2017).

Menurut Maimunah, ia akan melibatkan keseluruhan agensi kerajaan, institusi swasta, pusat pengajian tinggi, persatuan penduduk dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

"Penyertaan program ini adalah terbuka kepada seluruh rakyat negeri ini sebagai suatu usaha bersama-sama MBPP mencapai hasrat Kerajaan Negeri dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah bandar raya di dalam taman atau taman dalam bandar raya.

"Setakat hari ini, MBPP bersama-sama pihak-pihak pemaju telah menanam sebanyak 33,147 pohon pokok di seluruh pulau," ucapnya pada Majlis Perasmian Komuniti Bersih & Hijau Kejiranan Indah Kawasan Jesselton, Jalan Utama di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Setiausaha Bandaraya bagi MBPP, Ar. Yew Tung Seang, Ahli-ahli Majlis bagi MBPP, Ketua-ketua Jabatan MBPP dan Pengerusi Persatuan Penduduk Taman Jesselton, Datuk Yap Ching Chau.

Serentak itu, **Maimunah memaklumkan bahawa MBPP akan terus mempergiatkan program *Local Action 21* (LA21) dan berkolaborasi dengan komuniti.**

**"Usaha ini adalah sangat penting bagi MBPP mencapai kadar kitar semula sebanyak 35 peratus bagi tahun 2017 dan 40 peratus (2018).**

**"MBPP tidak mampu lakukannya sendiri, ianya perlu melibatkan masyarakat secara menyeluruh** dan keberkesanan ini dapat dilihat ketika saya (sebagai Yang di-Pertua) di Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP)... pendekatan serupa berjaya menjadikan kadar kitar semula di Seberang Perai sebanyak 46 peratus," seru beliau.

Pada program tersebut, Maimunah turut merasmikan papan tanda Komuniti Bersih & Hijau, 'Kejiranan Indah' serta menanam tiga pohon pokok teduhan di kawasan sekitar.




MAIMUNAH Mohd. Sharif ketika merasmikan papan tanda Komuniti Bersih & Hijau, 'Kejiranan Indah' pada majlis perasmiannya di sini baru-baru ini.

# KM harap Batu Kawan sebagai hub perindustrian teknologi tinggi negara



KETUA Menteri, Sr. Rozali Mohamud (berkopiah) bergambar kenangan bersama-sama barisan kepimpinan MPSP dan para peserta Bengkel Latihan Revolusi Perindustian 4.0 di sini baru-baru ini.

**SEBERANG JAYA -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berharap ledakan revolusi perindustrian 4.0 di peringkat dunia turut menjadikan Batu Kawan sebagai hub perindustrian teknologi tinggi negara kelak.

Mengulas lanjut, beliau memberitahu bahawa Pulau Pinang ketika ini mempunyai ramai tenaga kerja mahir, kemudahan logistik moden, rantaian bekalan mencukupi serta tadbir urus Kerajaan Negeri yang baik untuk menarik lebih ramai pelabur.

"(Batu Kawan) ini adalah tapak perindustrian terancang, dan kita (Kerajaan Negeri) dapat yakinkan pelabur-pelabur datang serta mendirikan kilang mereka dengan program berdasarkan kelebihan-kelebihan yang ada di Pulau Pinang," jelas Guan Eng di Kompleks Ibu Pejabat Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dekat Bandar Perda baru-baru ini.

Sebelum itu, beliau merasmikan Bengkel Latihan Kakitangan MPSP Mengenai Revolusi Perindustian 4.0 dekat Auditorium MPSP di sini.

Menurut Guan Eng, Pulau Pinang ketika ini menyumbang 24 peratus daripada eksport Malaysia dan dijangka meningkat lebih 50 peratus pada tahun-tahun akan datang.

Tambahnya, jangkaan itu adalah berdasarkan rekod pelaburan terbaru ke Batu Kawan, seperti B*roadcom Global Distribution Warehouses, UST Global, Boston Scientific, IKEA, Colombia Hospital* dan banyak lagi pelabur asing lain.

Dalam pada itu, Yang di-Pertua MPSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud berkata, tujuan penganjuran bengkel latihan berkenaan antara lain adalah untuk mendedahkan peri penting tadbir urus pihak berkuasa tempatan (PBT) mengambil bahagian dalam ledakan Revolusi Perindustrian 4.0, seperti penggunaan Analisis Data Besar & Data Terbuka (BDA), Pengkomputeran Awam (*Cloud Computing*) dan Internet Untuk Segala-Galanya (IoT).

"Ini adalah permulaan penerokaan sistem komunikasi '*Cyber Physical*' yang pertama kali diadakan pada peringkat PBT di seluruh Malaysia, dan sekali lagi 'Pulau Pinang Memimpin'," jelasnya.

Bengkel sehari di sini dikendalikan Penasihat Teknikal Perbadanan Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC), Azahar Md. Nayan.

# Stonyhurst Penang, sejajar wawasan Pulau Pinang sebagai hub pendidikan

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri baru-baru ini mengumumkan pelaksanaan projek pembangunan sekolah antarabangsa, *Stonyhurst Penang International School* (Stonyhurst Penang) di atas tanah milikannya di Bandar Tanjung Pinang dekat Tanjung Tokong di sini.

Pemeteraian projek Perkongsian Awam Swasta (PPP) di antara Kerajaan Negeri, LAPIS *(Lasallian Asia Partnership For International Schools Pte Ltd)* dan Stonyhurst, United Kingdom tersebut berlangsung di hadapan Ketua Menteri pada 15 September lalu.

"Kerjasama tersebut akan menarik lebih ramai pelajar tempatan dan antarabangsa untuk belajar di sini, sejajar dengan wawasan Kerajaan Negeri untuk membangunkan Pulau Pinang sebagai lokasi hub pendidikan.

"Ia akan memberikan ruang buat lebih ramai pelajar di sini mengakses pendidikan bertaraf antarabangsa.

"Setelah memperoleh kelulusan daripada pihak Kementerian Pendidikan, sekolah ini diharap akan dapat dibuka pada tahun 2021," kata Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng pada majlis menandatangani pemeteraian perjanjian tersebut.

Hadir sama, Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Sarul Bahiyah Abu, Timbalan Pengurus Besar Unit Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI), S. Bharati, Pengetua Stonyhurst (UK), John Browne dan wakil LAPIS.

Stonyhurst diasaskan pada 1593 yang berpusat di Manchester merupakan antara sekolah tertua dan terbaik di United Kingdom.

Mengulas lanjut, Guan Eng memberitahu, pembangunan sekolah bernilai RM83 juta itu akan dibiayai LAPIS sepenuhnya.

"Kita (Kerajaan Negeri) menyediakan tanah dan nasihat perundingan, manakala LAPIS akan menyediakan dana serta kepakaran," jelasnya.

Difahamkan, apabila siap kelak, *Stonyhurst Penang* mampu menampung kira-kira 1,200 pelajar.







# STEM, pastikan Pulau Pinang lebih berdaya saing

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**




**TINDAK balas kimia yang menjadi tarikan pada Majlis Pelancaran STEM di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri pada tahun ini mengumumkan pembentukan Penang STEM Sdn. Bhd. (Penang STEM), iaitu sebuah organisasi yang akan bertindak terhadap enam Pusat Kecemerlangan (COE) bagi menerajui pendidikan sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM).

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, Kerajaan Negeri telah melabur sejumlah RM68 juta bagi menjayakan inisiatif saintifik berkenaan.

Tambahnya, sebagai sebuah negeri perindustrian dan bergantung kepada kemahiran serta bakat, tumpuan harus diberikan kepada pengkhususan STEM demi memastikan negeri lebih berdaya saing dalam skala global dan berjaya dalam industri 4.0.

"Bagi tujuan tersebut, kita (Kerajaan Negeri) menubuhkan Penang STEM... yang mana ia akan menjadi payung kepada enam Pusat Kecemerlangan dalam menjayakan STEM.

"Enam COE tersebut adalah Pameran Sains Antarabangsa Pulau Pinang iaitu sebuah pameran sains terbesar di Malaysia; pusat penemuan sains dan teknologi (*Penang Tech Dome*) dan perpustakaan digital pertama di Malaysia yang beroperasi 24 jam serta dibuka 365 hari setiap tahun (*Penang Digital Library*, PDL).

"Manakala, *@CAT Penang* adalah sebuah platform yang menyediakan teknologi, sokongan dan perkhidmatan kepada komuniti di bawah satu bumbung serta *Penang Science Cluster*," ucapnya ketika merasmikan Simposium IEEE International Microwave, Electron Devices, Solid state Circuits (IMESS) 2017 di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif PSDC, Muhamed Ali Hajah Mydin, Naib Pengerusi Seksyen IEEE Malaysia, Dr. Fawnizu Azmadi Hussin dan Pengerusi IMESS 2017, Ir. Bernard Lim Kee Weng.

Guan Eng yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan dan Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam memberitahu, bakat adalah aset terbesar Pulau Pinang dan sejak tiga tahun lalu, *Penang Future Foundation* (PFF) telah ditubuhkan untuk mengekalkan bakat-bakat besar berkaitan.

"Malah sebagai sokongan menjayakan inisiatif STEM, Program Meister Malaysia dilancarkan tahun lalu dengan suntikan dana berjumlah RM6 juta.

"Program pembangunan kemahiran ini adalah berdasarkan modul latihan vokasional Jerman...pelatih akan dilatih dan diambil bekerja di kilang-kilang sambil dipantau oleh tutor berpengalaman," jelas beliau.




**SEBAHAGIAN pengunjung yang mengambil bahagian.**

## Piala Demokrasi lambang penyatupaduan semua kaum atas semangat demokrasi - Zairil

**PULAU TIKUS -** Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari membayangkan untuk menggunakan format liga bagi penganjuran Pertandingan Bola Sepak Piala Demokrasi tahun depan berbanding kalah mati kini.

Katanya, perkara tersebut adalah wajar dipertimbangkan ekoran permintaan untuk menyertai pertandingan tersebut adalah menggalakkan.

"Kali pertama dianjurkan pada tahun 2014, kita cuma ada 24 pasukan, tahun lepas dan 2017 kita dapat penyertaan dari 32 pasukan. Bahkan sehingga tarikh tutup untuk tahun ini masih ada pasukan yang mohon untuk masuk bertanding.

"Jadi, mungkin tahun depan kita boleh gunakan format liga juga untuk tambah penyertaan pasukan.

"Bagaimanapun, perkara tersebut akan diteliti semula," katanya pada perlawanan akhir Piala Demokrasi dekat Padang Polo, Jalan Sepoy Lines di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Tikus, Yap Soo Huey, Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Chris Lee Chun Kit dan Syerleena Abdul Rashid.

Ditanya berkenaan pertukaran lokasi pertandingan ke stadium, beliau menyatakan perkara tersebut tidak perlu.

"Piala Demokrasi ini adalah anjuran Pusat Khidmat Parlimen Bukit Bendera dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Pantai Molek, jadi biarlah ianya kekal di Parlimen Bukit Bendera sahaja," jelas beliau.

Mengulas lanjut, Zairil memberitahu, Piala Demokrasi 2017 masih mengekalkan tema sama iaitu 'Kad Merah Menentang Perkauman' sebagai lambang penyatupaduan semua kaum di Malaysia atas semangat demokrasi.

Pada pertandingan yang berlangsung, pasukan Arena FC menundukkan Suria Muda FC menerusi penentuan sepakan penalti (4-3) setelah kedua-dua pasukan terikat 1-1 pada 90 minit.

Pasukan Arena FC dinobatkan sebagai juara Piala Demokrasi 2017, manakala Suria Muda FC, kedua. Tempat ketiga dimenangi oleh IRC A dan Anjuman FC (tempat keempat).

Johan membawa pulang RM3,000, tempat kedua (RM2,000) dan ketiga (RM1,500). Penjaring terbanyak, Azmin Osman dari Suria Muda FC membawa pulang hadiah wang tunai RM100.



**ZAIRIL Khir Johari (berdiri, tujuh dari kanan) bergambar kenangan bersama-sama para peserta, barisan juri dan jawatankuasa penganjur Pertandingan Bola Sepak Piala Demokrasi 2018 di sini baru-baru ini.**



# Revitalisasi semula Komtar, terima Anugerah Projek Terbaik MCIEA 2017

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN –** Projek revitalisasi semula Komtar dikenali, *The Top* berjaya merangkul kemenangan pada malam berprestij Anugerah Kecemerlangan Industri Pembinaan Malaysia (MCIEA) 2017 anjuran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) Malaysia baru-baru ini.

*Only World Group Berhad* (OWG) selaku pemaju pembinaan dan Alam Langkawi Sdn. Bhd. sebagai kontraktor utama projek menghidupkan semula Komtar menerima Anugerah Projek Terbaik MCIEA 2017 bawah Kategori Bangunan Sederhana (projek bernilai di antara RM20 juta hingga RM100 juta).

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika majlis penghargaan khas yang diadakan berkata, pengiktirafan pencapaian tersebut adalah sebahagian daripada usaha dicurahkan kedua-dua syarikat terbabit yang mana telah berjaya menyempurnakan projek revitalisasi Komtar melalui kerja-kerja pembinaan kejuruteraan yang mencabar, rumit dan ekstrem.

"Tidak seperti bangunan konvensional, pembinaan menghidupkan semula Komtar memerlukan metadologi aplikasi pembinaan yang betul, kerja pada aras tinggi dan pemasangan tepat.

"Selain idea-idea pembinaan inovatif dan penggunaan peralatan yang patuh kepada keselamatan, setiap satu langkah proses pembinaan ini perlu diperiksa dengan teliti, dipantau, diuji serta jaminan terhadap kualiti perlu diperiksa," ujarnya pada Majlis Penyampaian Sijil Penghargaan kepada Pasukan Projek Revitalisasi Komtar di *The Top* di sini.

Turut hadir, Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Datuk Rosli Jaafar, Tan Sri Datuk Richard Koh (Ketua Pegawai Eksekutif OWG), Dato' Ir. Ang Choo Hong (Ketua Pegawai Eksekutif PDC Setia Urus Sdn. Bhd.) dan Ir. Soon Eng Kooi (Ketua Pegawai Eksekutif Alam Langkawi Sdn. Bhd.).

Pada tahun 2012, OWG telah memenangi tender terbuka untuk 'menghidupkan' semula Komtar.

Dengan jumlah pelaburan sebanyak RM200 juta, *The Top* telah ditransformasikan dengan dimensi imej baharu yang lebih inovatif.

Berbeza dengan keadaan Komtar pada lewat 90-an, Guan Eng menyatakan bahawa Komtar (*The Top*) kini bakal ditambah baik dengan pelbagai tarikan lebih menarik.

"Antaranya, Galeri Pulau Pinang dan *Central Market* di Aras 3 (Komtar Fasa 2) yang dijangka akan dibuka kepada umum menjelang hujung tahun ini.

"Begitu juga Akuarium di Aras 4 (Komtar Fasa 2) akan menyambut kedatangan tetamu sebagai akuarium pertama di Malaysia yang mengabungkan ikan sebenar dan ikan maya.

"Malah, paling menarik adalah untuk anda yang sukakan aktiviti ekstrem serta mencabar, kita bakal menawarkan aktiviti berjalan kaki mengelilingi Komtar menggunakan tali di luar Aras 65.

"Sebagai tambahan, keunikan lukisan mural seni tertinggi yang dijangka bakal bermula tahun hadapan," jelas beliau.



KOMTAR pada Majlis Pelancaran Gemilang Cahaya Komtar di sini 30 Oktober lalu.

## Kerjasama kakitangan dan Pembantu Awam MPSP jayakan Pelan Strategik Seberang Perai

**BERTAM -** Dalam merangka Pelan Strategik Seberang Perai 2018-2022 yang dijangka siap Disember ini, penglibatan pembantu awam merupakan satu intipati penting kepada Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

Yang di-Pertua MPSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud berkata, untuk menjayakan sasaran menjadikan Seberang Perai sebagai sebuah bandar rendah karbon pada tahun 2022, ia memerlukan kerjasama semua pihak terutamanya 4,000 kakitangan dan pembantu awam.

"10 keutamaan yang diberikan penekanan dalam pelan (strategik) ini ialah persekitaran yang selamat; kemudahan dan infrastruktur berkualiti; gaya hidup sihat; pembangunan hijau dan bersih serta penerapan teknologi baharu.

"Diikuti, ekonomi yang berdaya saing; memperkukuh budaya dan warisan; bandar yang berdaya tahan dan berdaya huni; penglibatan komuniti dan pembangunan bandar inklusif serta saksama," ujarnya pada Sesi Penerangan Hala Tuju Pelan Strategik Seberang Perai 2018-2022 di Kompleks Sukan MPSP, Bertam di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ketua Skuad Khas MPSP, Ahmad Zabri Mohamed Sarajudin dan Ketua-ketua Jabatan MPSP.

Perhimpunan julung kali tersebut disertai kira-kira 1,088 pembantu awam bagi daerah Seberang Perai Utara (SPU).

Mengulas lanjut, Rozali memberitahu, sasaran yang diletakkan MPSP pada tahun 2022 bukan sahaja untuk menjadikan bandar Seberang Perai sebagai bandar rendah karbon, malah juga berhasrat meningkatkan kadar kitar semula sebanyak 70 peratus dan sampah dikurangkan sebanyak 50 peratus.

"Saya berharap semua kakitangan MPSP termasuk pembantu awam dapat menggembleng tenaga serta bersatu bagi menjayakan pelan strategik ini, dan saya percaya... kita mampu lakukannya," seru beliau.



KAKITANGAN MPSP tidak melepaskan peluang *berwefie* dengan Sr. Rozali Mohamud pada Sesi Penerangan Hala Tuju Pelan Strategik Seberang Perai 2018-2022 di sini baru-baru ini.



# Kisah Malaysia melalui Perlembagaannya (Bahagian III)

Oleh : **ZAIRIL KHIR JOHARI**

**Felo Penang Institute merangkap Ahli Parlimen Bukit Bendera**

**1969-1973: Kesan Sebuah Tragedi**

**PERISTIWA** paling diingati dalam dekad yang penuh dengan peristiwa bersejarah di Malaysia adalah rusuhan kaum pada 13 Mei 1969. Ketegangan telah meningkat dari tahun ke tahun sehingga pilihan raya umum tahun 1969 dan akhirnya keganasan meletus. Pada November 1967, sebuah protes yang dianjurkan oleh penyokong Maoist di Pulau Pinang bertukar menjadi peristiwa berdarah, namun berjaya disekat dari merebak ke negeri lain. Pada Jun 1968, satu protes terhadap hukuman mati yang dikenakan ke atas 11 orang ahli Cina Parti Komunis Malaya terus menimbulkan isu perkauman sehingga hukuman akhirnya dikurangkan.

Rentetan itu, sepanjang tempoh kempen pilihan raya rasmi, dari hari penamaan calon pada 5 April sehingga hari mengundi pada 10 Mei menyaksikan sentimen perkauman dan agama dimainkan dengan berleluasa. Dua minggu sebelum hari mengundi, seorang aktivis politik telah dibunuh di Pulau Pinang. Meskipun insiden ini dapat ditenangkan, 10 hari kemudian satu lagi insiden berlaku di Selangor, melibatkan seorang lelaki muda Cina ditembak.

Menyedari peluang politik, pemimpin Parti Buruh yang telah berada di bawah pengaruh haluan kiri dan telah bertindak memboikot pilihan raya umum, bertindak merampas penganjuran proses pengkebumian. Diadakan sehari sebelum hari pengundian, perarakan pengkebumian tersebut adalah yang terbesar di Kuala Lumpur dan bertukar menjadi himpunan tunjuk perasaan politik yang lengkap dengan poster membawa slogan revolusi Maoist dan menganggap si mati sebagai pejuang politik.

Sehari kemudian, Malaysia menghadapi pilihan raya. Jelas pada tarikh 11 Mei, parti Perikatan hanya dapat mengekalkan kuasa dengan kekurangan majoriti yang ketara. Pakatan tersebut bukan sahaja gagal mendapat 50% undi popular, malah kehilangan 2/3 majoriti dalam Parlimen buat pertama kali. Mereka juga kehilangan majoriti di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, Kelantan, Perak dan Selangor. Tiada parti yang menguasai majoriti jelas di Perak dan Selangor.

Gembira dengan keputusan yang tidak dijangka tersebut, parti pembangkang meraikan kejayaan dengan mengadakan perarakan besar-besaran. Lantas, sentimen perkauman dan provokatif amat menyerlah. Akhbar Utusan Melayu memberi gambaran bahawa kuasa politik orang Melayu terancam dan menyebabkan Pemuda Umno turut mengadakan perarakan sebagai tindak balas.

Tarikh 13 Mei akan kekal terpahat dalam sejarah Malaysia sebagai sebuah hari malang yang disebut Tunku sebagai "kekacauan sosial dan politik magnitud pertama", sebuah memori hitam rakyat Malaysia dikhianati sesama sendiri. Kematian ratusan dalam rusuhan antara kaum mengakibatkan pertumpahan darah di jalanan Kuala Lumpur.

Darurat telah diisytiharkan. Pada 16 Mei, Parlimen telah digantung, satu siri peristiwa yang tidak mungkin akan berlaku kalau bukan kerana pindaan perlembagaan pada tahun 1960. Dengan tiadanya Parlimen, satu Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) telah ditubuhkan sebagai badan pentadbiran negara di bawah pimpinan Timbalan Perdana Menteri Abdul Razak Hussein. Majlis operasi negeri dan daerah juga ditubuhkan untuk pentadbiran masing-masing.

Perancangan dan motif sebenar di sebalik keputusan dan kejadian kekacauan ini akan kekal menjadi teori konspirasi. Walau bagaimanapun, insiden 13 Mei menandakan berakhirnya era pertama dalam sejarah Malaysia, dan menjadi permulaan kepada era baru di bawah Razak yang memerintah sebagai ketua MAGERAN dan kemudiannya sebagai perdana menteri setelah persaraan Tunku pada 22 September 1970.

Akibat daripada rusuhan berdarah tersebut, Dasar Ekonomi Baru telah dirangka, di mana sifat nasionalisme Melayu telah diberi penekanan dalam beberapa sektor, termasuk pendidikan dan ekonomi. Masyarakat Malaysia distruktur semula melalui tindakan affirmatif. Politik negara juga mengalami perubahan yang besar dengan penubuhan Barisan Nasional, satu gabungan politik yang menyerap parti-parti pembangkang seperti PAS, Gerakan dan PPP di Semenanjung Malaysia. Ini mengembalikan majoriti dua pertiga kerajaan dan mengukuhkan lagi kawalan terhadap semua kerajaan negeri.

Diperkasakan dengan bidang kuasa yang menyeluruh, Razak telah memahatkan kompromi sosial yang baru itu ke dalam Akta Perlembagaan (Pindaan) 1971 yang kontroversial. "Pindaan perkara-perkara sensitif" ini telah menggubal 7 artikel, termasuk artikel berkenaan kebebasan bersuara, berpersatuan, hak-hak istimewa Parlimen, bahasa kebangsaan, dan perluasan Artikel 153 berhubung perlindungan "kedudukan istimewa" orang Melayu.

Penjamin 1 : AFIFAH BINTI ABU YAZID - 67091902****
SEKOLAH PEMBANGUNAN SOSIAL, UNIVERSITI UTARA MALAYSIA 06010 SINTOK, KEDAH
Penjamin 2 : THIAGARAJOO A/L MUNIANDY - (MENINGGAL DUNIA)
NO. 2340, LORONG LIKU, BAKAR BATA, ALOR SETAR, 05100 KEDAH

No Akaun : 6948
Peminjam : MURALI A/L RAJARAM - 74100607****
NO. 826 JALAN BUKIT GALENA 16, TAMAN BUKIT GALENA, SEREMBAN
70200 NEGERI SEMBILAN
Penjamin 1 : RAJARAM A/L KRISHNAN - (MENINGGAL DUNIA)
31 TINGKAT PUNGGOK 1, TAMAN RASA RIA
14200 SUNGAI BAKAP, SPS
Penjamin 2 : PREMA A/P RAJARAM - 73022707****
31 TINGKAT PUNGGOK 1, TAMAN RASA RIA
14200 SUNGAI BAKAP, SPS

No Akaun : 6951
Peminjam : SUBRAMANIAM A/L SENGODAN - 72042507****
NO. 33 LORONG 18/SS 3, BANDAR TASEK MUTIARA 14120 SIMPANG AMPAT, SPS
Penjamin 1 : T.THAYALAN A/L V.TANDATHABANI - 65103008****
11 LORONG PUTERI GUNUNG 32, TAMAN PUTERI GUNUNG 14120 SIMPANG AMPAT, SPS
Penjamin 2 : PARVATHY A/P SENGODAN - 70020707****
NO. 20 JALAN HARUAN, TAMAN HARUAN, KELANG LAMA 09000 KULIM, KEDAH




MAMMO PENANG
"Sayangi Wanita Pulau Pinang"

## Jadual Mammo Penang 2017

| | Sabtu | Bahagian Pulau | Seberang Perai | Ahad | Bahagian Pulau | Seberang Perai |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Nov. | 4 | Air Putih | Bagan Jermal | 5 | Seri Delima | Sungai Bakap |
| | 11 | Pengkalan Kota | Padang Lalang | 12 | Pulau Betong | Berapit |
| | 18 | Pulau Tikus | Jawi | 19 | Dato Keramat | Bertam |
| | 25 | Kebun Bunga | Bukit Tengah | 26 | Batu Lanchang | Pmtg Pasir |
| Dec. | 2 | Batu Uban | Machang Bubok | 3 | Bayan Lepas | Pinang Tunggal |

## TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

**Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453**

**Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my**

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

No Akaun : 6960
Peminjam : LIM CHIN HOW - 74062807****
NO. 118-B4-05-02 PUTRA PLACE, PERSIARAN BAYAN INDAH 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1 : LIM SENG KHIM - 42051007****
20 LORONG KURAU 29, CHAI LENG PARK, 13700 PRAI
Penjamin 2 : CHAN BAN HEI - 70100607****
90 TINGKAT KIKIK SATU, TAMAN INDERAWASIH 13600 PERAI

No Akaun : 6984
Peminjam : SANTHI A/P GOVINDAN - 76081807****
26A LORONG 19, TAMAN SENTUL JAYA 14000 JURU, BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : BALACHANDRAN A/L SHANMUGAM - 55032008****
NO. 6 SILIBIN LANE, 30100 IPOH, PERAK
Penjamin 2 : SUBRAMANIAM A/L MARUTHAM - 49090902****
30 JALAN KOTA PERMAI, TAMAN KOTA PERMAI 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 6998
Peminjam : YU GAIK YAP - 75051307****
848 JALAN 6, KAMPUNG BERAPIT 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : YU GAIK HUA - A1871***
848 JALAN ENAM, KAMPUNG BERAPIT, 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : LIM HOCK SENG - 67082407****
1250 JALAN BALAI, KAMPUNG BERAPIT, 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 7005
Peminjam : TAN KHEAN TAT - 75010207****
648 MK 4 AYER PUTIH, BALIK PULAU 11000 PULAU PINANG
Penjamin 1 : TAN SAW PHENG - 72010907****
648 MUKIM 4 AIR PUTIH, 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG
Penjamin 2 : TAN TIAN CHOO - 66111907****
B6-14-04 JALAN PJS 9/1, PANGSAPURI LAGOON PERDANA 46150 BANDAR SUNWAY, SELANGOR

No Akaun : 7013
Peminjam : WOOI SZE YEN - 77090407****
47 LEBUH RAYA MUHIBBAH, TAMAN JERNIH 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : WOOI BOON HOO - 52042907****
47 LEBUH RAYA MUHIBBAH, TAMAN JERNIH 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : WOOI SWEE PHEW - 56111607****
35 LORONG KURAU 21, TAMAN CHAI LENG, 13700 PERAI

No Akaun : 7022
Peminjam : PARIMELA DEVI A/P RAMAYAH - 76102007****
NO. 34 JALAN SEPILAI, TAMAN MAKTAB, KELANG LAMA 09000 KULIM, KEDAH
Penjamin 1 : SHAKILA DEVI A/P RAMAYAH - 73071707****
34 JALAN SEPILAI, TAMAN MAKTAB, KELANG LAMA 09000 KULIM, KEDAH
Penjamin 2 : RAMAN A/L KRISHNAN - 66082605****
46, LORONG 2/1, TAMAN SRI SELADANG, 09600 LUNAS, KEDAH

No Akaun : 7053
Peminjam : R.G.ELANGOVAN A/L GOPAL KRISHNAN - 74051107****
24 JALAN ANGGERIK VANILLA 31/100C, KOTA KEMUNING, SEKSYEN 31, 40464 SHAH ALAM, SELANGOR
Penjamin 1 : R G KARMUKILAN A/L GOPAL KRISHNAN - 72112807****
NO. 15 LORONG SERI BERTAM 2, TAMAN SERI BERTAM 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 2 : PARTHIBAN A/L JANARTHANAN - 72010710****
NO. 1 JALAN 2/21B, TAMAN SETAPAK, 53000 KUALA LUMPUR

No Akaun : 7056
Peminjam : FUZIAH BINTI KHALID - 64121107****
741-C BLOCK B, KG KASTAM, BAGAN JERMAL 12300 BUTTERWORTH
Penjamin 1 : YAHAYA BIN MAT - 63081608****
741-C BLOCK B , KAMPUNG KASTAM, BAGAN JERMAL 12300 BUTTERWORTH
Penjamin 2 : SITI ISHAH BT OTHMAN - 4914***
NO. 1294 JALAN PADANG BENGGALI, TELOK AIR TAWAR 13050 BUTTERWORTH

No Akaun : 7132
Peminjam : LEE MAN HONG - 76012507****
NO. 16 JALAN PJU 1A/27C , ARA DAMANSARA, PETALING JAYA 47301 SELANGOR
Penjamin 1 : LEE KOK CHUAN - 58100708****
NO. 137 JALAN KOTA, 34000 TAIPING, PERAK
Penjamin 2 : TAN PENG KHOON - 59122008****
46 LORONG TIGA , TAMAN KAMI B AULONG 34000 TAIPING, PERAK

No Akaun : 7136
Peminjam : ROSMAIDY BIN MOHAMED RAMLY - 77022608****
21 LINTANG SUNGAI BATU 1, SUNWAY ASPERA, BAYAN LEPAS 11920 PULAU PINANG
Penjamin 1 : ROSMAIZA BT MOHAMED RAMLY - 75111608****
NO. 39 JALAN ST 1, SAMUDRA TERES, BATU CAVES 68100 SELANGOR
Penjamin 2 : ABDUL SHUKOR BIN BAKAR - 71060808****
NO. 3 LORONG BUNGA KANTAN 3, TAMAN KRIAN TAMBAHAN 5, 34200 PARIT BUNTAR, PERAK

No Akaun : 7158
Peminjam : CHAN HSIO CHIA - 75041907****
26 JALAN ANGGERIK, DORITIS 31/133 KOTA KEMUNING 40460 SHAH ALAM
Penjamin 1 : LEE GAIK EAN - 7213***
15 JALAN SUNGAI ARA 2 , DESA ARA, 11900 PULAU PINANG
Penjamin 2 : WONG LAI FUN - 7478***
3-2-1 LEBUH NIPAH SATU, MEDAN MUTIARA SUNGAI NIBONG 11900 PULAU PINANG

No Akaun : 7189
Peminjam : HAMIDAH BT OTHMAN - 65031107****
91 TAMAN SIAKAP, SEBERANG JAYA 13700 PERAI
Penjamin 1 : HASNIZA BT OTHMAN - 73050207****
G-0-8 KONDO SRI LAGENDA, PHASE II, JALAN SRI LAGENDA, KUAH 07000 LANGKAWI, KEDAH
Penjamin 2 : FARIDAH HANIM BT KHALID - 66041507****
281 BAGAN BELAT , TELUK AIR TAWAR, 13050 BUTTERWORTH

No Akaun : 7215
Peminjam : NATHAN A/L THIAGARAJAN - 74060407****
299 JALAN BUKIT PANCUR 14300 NIBONG TEBAL, SPS
Penjamin 1 : SAKARAPANY A/L ANNAMALAI - 48092507****
37 LORONG RAJAWALI 13, TAMAN BERJAYA 14300 NIBONG TEBAL, SPS
Penjamin 2 : SUKUMARAN A/L ARUMAIRAJAH - 66020708****
56 LORONG BUKIT PANCHOR 5, TAMAN BUKIT PANCHOR 14300 NIBONG TEBAL, SPS

No Akaun : 7219
Peminjam : BAWANI A/P GOVINDARAJU - 75052807****
S.M.K. MACHANG BUBUK 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : SUBBAMA A/P APPANA - 46062408****
A1 JALAN SELAMAT 3, TAMAN SELAMAT, SUNGAI PETANI 08000 KEDAH
Penjamin 2 : NAGANATHAN A/L MUTHIAH - 68072007****
681 JALAN KG BENGGALI, 13020 SUNGAI PUYU , BUTTERWORTH

# Pelaburan RM4 bilion Broadcom di Batu Kawan, lonjak ekonomi Pulau Pinang

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

**BUKIT TAMBUN -** Pelaburan kira-kira RM4 bilion *Global Broadcom Ltd*. (Broadcom) dengan membuka gudang penghantaran barangan antarabangsa baru di Taman Perindustrian Batu Kawan di sini, sekaligus diharap melonjakkan perkembangan ekonomi di negeri ini.

Ketika berucap, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berharap firma multinasional dari Amerika Syarikat (AS) berkenaan turut akan memindahkan operasi dua lagi gedung penghantaran barang global luar persisiran pantai ke negeri ini.

"Pulau Pinang ada lokasi yang begitu strategik, dengan sambungan jalan yang begitu baik untuk pengangkutan kargo ke Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang serta Pelabuhan Pulau Pinang.

"Kedudukan Batu Kawan sendiri berhampiran dengan Lebuh Raya Utara Selatan sudah tentu begitu strategik, sebagai laluan pengangkutan kargo darat," jelasnya pada Majlis Perasmian Pembukaan Gedung Penghantaran Global Broadcom Ltd. di sini 19 September lepas.

Turut berucap, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed; Naib Presiden Kanan Operasi Global Broadcom Ltd., B.C. Ooi serta Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon.



**KETUA Menteri, Mustapa Mohamed (dua dari kiri) dan wakil-wakil Broadcom pada pada Majlis Perasmian Pembukaan Gedung Penghantaran Global Broadcom Ltd. di sini baru-baru ini.**

Difahamkan, statistik perdagangan semikonduktor dunia pada tahun ini meningkat 11.5 peratus menjadi 377.8 bilion Dolar AS, pertumbuhan 12.4 peratus di Asia Tengara merupakan paling tinggi.

Dalam tempoh 2008 hingga 2016, RM14 bilion atau 24 peratus pelaburan dari AS merupakan pelaburan langsung asing (FDI) ke Pulau Pinang paling tinggi, berbanding negeri-negeri lain.

Broadcom sendiri, menurut Guan Eng, sejak tahun 1972 bersama-sama satu pelabur lain, *Hewlett-Packard* mula melabur di Zon Perindustrian Bebas Bayan Lepas.

Katanya, jumlah penghantaran barangan tahunan Broadcom dianggarkan empat bilion unit, dengan hasil kira-kira RM64 bilion, jika operasi dua gedung luar persiaran pantai lain turut dipindahkan ke negeri ini kelak.

Tambah Guan Eng, jumlah eksport Pulau Pinang dalam suku tahun pertama (Q1) 2017 sejumlah RM52.9 bilion menyaksikan 22 peratus peningkatan, berbanding RM43.5 bilion.

"Eksport Pulau Pinang kepada keseluruhan eksport negara adalah 23.5 peratus," ujarnya.

Selain Broadcom, Guan Eng memberitahu, Pulau Pinang turut menerima pelaburan 'jutaan ringgit' dari syarikat multinasional AS, antaranya *Boston Scientific* dan *UST Global*.

"Secara jelasnya di sini, syarikat-syarikat dari Amerika Syarikat masih melabur di Pulau Pinang," jelas Guan Eng sambil merakamkan penghargaan atas partisipasi Mustapha serta Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA).

Modal Broadcom Ltd. dalam industri semikonduktor dan perkilangan dianggarkan bernilai kira-kira 97 bilion Dolar AS atau RM445 bilion.

Sehingga Jun 2017, Broadcom Pulau Pinang sendiri mempunyai kira-kira 500 pekerja dan pelaburan terbaru ini dijangka akan menyediakan 300 lagi peluang pekerjaan kelak untuk rakyat Malaysia di negeri ini.

## *Power Integrations* labur RM33 juta, jadikan Pulau Pinang hab rantaian bekalan Asia

**BAYAN LEPAS -** Pelaburan RM33 juta *Power Integrations* dalam tempoh lima tahun di Zon Perindustrian Bebas Bayan Lepas bakal menjadikan Pulau Pinang sebagai hab pengurusan rantaian bekalan untuk rantau Asia Tenggara.

Mengulas lanjut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng memberitahu, beliau berharap lebih banyak lagi syarikat multinasional lain turut memilih negeri ini sebagai hab penyelidikan dan pembangunan (R&D) mereka.

"Pulau Pinang benar-benar adalah destinasi pilihan syarikat pelaburan sebagaimana hasrat *Power Integrations* (melabur) untuk penyelidikan kejuruteraan, reka bentuk dan pembangunan pasaran untuk rantau Asia Tenggara," jelasnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam pada Majlis Pembukaan Kilang Power Intergrations di sini 3 Oktober lalu.

Turut berucap, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Power Integrations, B. Balu dan CEO investPenang (iP), Dato' Loo Lee Lian.

Menurut Guan Eng, dalam tempoh empat dekad ini, begitu banyak syarikat multinasional dari Amerika Syarikat seperti *Power Integrations* melabur di Pulau Pinang, antaranya *Broadcom, Boston Scientific, UST Global, Intel, Jabil, Motorola, Sandisk, Hewlett Packard (HP), Haemonetics* dan sebagainya.

"Dalam tempoh tahun 2008 hingga 2016 sahaja, direkodkan lebih RM59 bilion pelaburan ke negeri ini, RM14 bilion atau 24 peratus daripadanya adalah pelabur Amerika Syarikat, sekaligus menjadikan negara itu adalah pelabur langsung asing (FDI) paling besar yang menyumbang kepada perkembangan ekonomi Pulau Pinang," ujarnya yang juga Ahli Parlimen Bagan merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih.

Justeru tambah Guan Eng, pentadbirannya akan terus membangunkan potensi negeri berasaskan 3T atau '*Talent, Technology & Tolerance*', demi memastikan Pulau Pinang terus dikenali sebagai destinasi pelaburan paling diminati di tanah air ini.




**RUPA bentuk kilang *Power Integrations* di sini.**

# Badan korporat, NGO diseru ambil 'sungai angkat'

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **WONG BOON FOEI**

**MACHANG BUBOK -** Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) berharap lebih banyak badan korporat serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) tampil melaksanakan kerja pemuliharaan semula sungai-sungai di sekitar bahagian Seberang Perai.

Yang di-Pertua MPSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud berkata demikian pada Majlis Perasmian Sambutan Hari Sungai Sedunia bertemakan 'Sungai Kita 2030' pada 16 September lalu.

"Pemuliharaan semula sungai mestilah seiringan dengan kerja-kerja landskap sesuai, supaya menjadi tumpuan utama serta kebanggaan penduduk di Seberang Perai.

"Sebab itu, kita (MPSP) berharap lebih banyak lagi pihak tampil melaksanakan program CSR (tanggungjawab sosial korporat), menyediakan bola tanah (*mudballs*) untuk kerja-kerja menjernihkan kembali air, dengan menjadikan sungai-sungai di Seberang Perai ini sebagai 'sungai angkat'," jelasnya di Hutan Lipur Cheruk Tok Kun di sini.

Menurut Rozali, syarikat South Island Garment Sdn. Bhd. dan *Amstrong Industrial Company Ltd*. telahpun menjadikan Sungai Derhaka dekat Seberang Jaya sebagai 'sungai angkat'; selain Sungai Junjung Mati (Amphenol TCS (M) Sdn. Bhd.) dan sekitar kawasan Perai (*Uchi Electronics*).

"Syarikat-syarikat ini telah mengambil inisiatif membuat bebola tanah untuk dilontar ke dalam sungai tersebut setiap bulan," ujarnya, sambil mensasarkan kualiti air di ketiga-tiga sungai tersebut mencapai paras 1 pada tahun 2030 nanti.

Tambah Rozali, sebanyak 25,600 bola tanah dihasilkan dalam tahun 2016, dan 2017 (28,930).

Sempena sambutan Hari Sungai Sedunia 2017, beliau menyatakan bahawa MPSP dengan kerjasama *Water Watch Penang* serta sokongan dari *Global Environment Centre* dan *National River Care* menganjurkan pertandingan melukis serta mewarna peringkat sekolah rendah seluruh Seberang Perai, demi meningkatkan pengetahuan dan kesedaran dalam kalangan pelajar mengenai peri penting memulihara sungai untuk generasi masa depan.




**SALAH seorang pemenang pertandingan melukis dan mewarna yang diadakan bersempena sambutan Hari Sungai Sedunia 2017 di sini baru-baru ini.**






# Bandar raya sukan, Pulau Pinang berada pada landasan tepat - KM

Gambar : **LAW SUUN TING**



PARA peserta *berwefie* sebelum memulakan perlumbaan.



AKSI para peserta yang mengambil bahagian bahagian dalam *Penang Ultra 2017.*

**LASAK & SIHAT...** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menyatakan bahawa Pulau Pinang kini berada pada landasan tepat ke arah menjadi sebuah bandar raya sukan.

Beliau berkata demikian dalam majlis pelepasan para peserta (acara larian) *Penang Ultra 2017* dekat Dewan Bandaraya, Padang Kota Lama di sini baru-baru ini.

Katanya, Kerajaan Negeri sentiasa menyokong program-program bersifat kesukanan dalam memastikan rakyat negeri ini memilih gaya hidup sihat.

"Hari ini, kita meraikan lebih 1,000 peserta yang mengambil bahagian dalam acara *Penang Ultra 2017* yang diadakan untuk kali keempat berturut-turut," ucapnya penuh semangat.

Tambah Guan Eng, sebagaimana maklum, bukan mudah untuk menyahut cabaran dalam kejohanan yang merangkumi larian Kategori 100 Kilometer (km) Solo termasuk mendaki Bukit Bendera, 84km mengelilingi pulau, 50km ultra maraton dan 100km berganti-ganti.

"Tetapi, anda semua (peserta) berani menyahut cabaran...syabas!" tambah beliau.

Dalam pada itu, Guan Eng turut menzahirkan komitmen Kerajaan Negeri dalam menaik taraf dan menyediakan kemudahan sukan serta rekreasi di Pulau Pinang dalam usaha memupuk budaya hidup sihat rakyat di negeri ini.

## Sedia pusat jagaan kanak-kanak galak ibu ramai anak terus berkerjaya, syor wanita Pulau Pinang

**GEORGE TOWN -** Dalam Bajet 2018 Pulau Pinang nanti, peruntukan untuk menyediakan pusat jagaan kanak-kanak di pejabat kerajaan wajar ditingkatkan, demi menggalakkan lagi wanita berkerjaya tidak berhenti kerja apabila bilangan anak kian ramai.

Ujar Rashidah Jalaludin yang merupakan salah seorang hadirin dalam Forum Lanskap Wanita: Dilema Pekerja Wanita Berstatus Ibu, anjuran bersama-sama Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan badan bukan kerajaan (NGO), Litera Seni di Pusat Belia Lebuh Acheh di sini baru-baru ini.

Katanya yang juga Pengarah Khidmat Kemasyarakatan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), wanita berbakat akhirnya mengambil keputusan berhenti kerja apabila memikirkan kos upah menghantar anak yang ramai ke pusat jagaan adalah tidak berbaloi dengan gaji bulanan yang ada.

"Belanjawan sebuah Kerajaan bukan sahaja mengenai pembangunan jalan atau bangunan secara materialistik, tapi patut mengambil kira aspek kebahagiaan, keselesaan hidup, kegembiraan berkeluarga manusia itu sendiri.

"Kalau sesebuah kerajaan boleh memperuntukkan sampai RM16 juta setahun untuk membina jalan, mengapa tidak peruntukan sejumlah itu untuk menyediakan pusat jagaan kanak-kanak secara percuma atau dengan kos upah yang lebih murah, untuk menggalakkan lagi wanita terus berkerjaya walaupun ramai anak.

"Sebenarnya perbelanjaan berasaskan gender sebegini bukan sahaja menyokong partisipasi ibu yang mempunyai ramai anak untuk terus bekerja, malah ia cukup membantu Kerajaan Negeri memastikan 30 peratus wanita terlibat membuat keputusan dalam semua organisasi, termasuk di peringkat kerajaan sendiri," kata beliau.

Syerleena Abdul Rashid turut menyokong hasrat Kerajaan Negeri melaksanakan program-program memperkuasa peranan gender wanita, melalui Perbadanan Pembangunan Wanita (PWDC).

Forum terbuka itu membariskan Ketua Pegawai Eksekutif PWDC, Ong Bee Leng; Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Syerleena Abdul Rashid; NGO Aliran Kesedaran Negara (Aliran), Prema Devaraj dan Pengasas Pusat Impian Kita, Sara Ayuni.

Pengasas Litera Seni, Nurhayyu Zainal sendiri yang mengendalikan forum tersebut.

Syerleena dalam forum tersebut turut berkongsi pengalaman dilema wanita mengandung yang berdepan risiko dibuang kerja, dipotong gaji atau tidak lagi disambung kontrak pekerjaan atas alasan tidak memberi komitmen di tempat kerja.

Walhal katanya, Malaysia pada tahun 1995 telahpun memeterai deklarasi *Convention For The Elimination Of All Forms Of Discrimination Against Women* (CEDAW).

"Apabila kita melihat sendiri polisi-polisi yang digubal di peringkat Persekutuan, selalunya majoriti lelaki yang membuat keputusan, sepatutnya wanitalah membuat keputusan untuk satu-satu polisi berkaitan (kepentingan) wanita.

"Sebab itu, dalam konvensyen CEDAW ini penting sebagai asas untuk memahami apa itu kesaksamaan gender antara wanita dan juga lelaki," tegasnya.



**SYERLEENA Abdul Rashid (kiri sekali), Rashidah Jalaludin (kanan sekali), Ong Bee Leng (dua dari kiri) dan barisan panel serta jemputan penganjuran Forum Landskap Wanita: Dilema Pekerja Wanita Berstatus Ibu di sini baru-baru ini.**




# *Penang International Science Fair* kembali!

**PENANG** *International Science Fair* (PISF) kembali lagi!! Jangan ketinggalan untuk menyertai acara tahunan anjuran *Penang Science Cluster* (PSC) pada 11-12 November 2017 bertempat di Penang SPICE arena. Penyertaan adalah percuma!

*Penang International Science Fair 2017* menjanjikan acara yang lebih menarik dan membawa kelainan berbanding tahun sebelumnya sejak ia mula diperkenalkan pada tahun 2011. PISF edisi ke-6 ini menyajikan beraneka aktiviti "hands on" kepada pengunjung seawal umur 5 tahun, puluhan pameran industri, bengkel-bengkel STEM dan pelbagai pertandingan yang menarik. Pengunjung juga boleh melihat demonstrasi "gadget" dan aktiviti berkaitan dengan STEM, selaras dengan tema PISF tahun ini: Preparing the Jobs of the Future.

Pada tahun ini, pengunjung akan dihiburkan dengan kepelbagaian bengkel dan aktiviti yang merangkumi bidang biologi, fizik, kimia, kejuruteraan, elektronik, pengekodan, seni ukir kayu dan lain-lain. Acara in memberi peluang kepada pengunjung untuk mengalami dan memahami operasi objek yang ditemui dalam kehidupan seharian dan membuka mata serta minda pengunjung akan teori sains disebalik hukum alam.



PARA pengunjung di penganjuran PISF 2016.

Selain itu, peserta juga boleh mempamerkan kemahiran masing-masing dengan menyertai 7 jenis pertandingan yang dipertandingkan di PISF. Lego Robotics, Scratch dan Robot Sumo akan kembali semula tahun ini bersama-sama dengan 4 pertandingan baru yang akan diperkenalkan buat pertama kali iaitu Rero coding, Python, "Mobile Apps", dan Young Makers@MakerFest.

Pertandingan Lego Robotic menampilkan konsep penghantaran makanan dimana peserta perlu membina sebuah robot yang mempu membawa dan menghantar "makanan" ke "rumah" pelanggan secara automatik dalam masa 2 minit. Sementara itu, pertandingan Robot Sumo memerlukan peserta menghasilkan avatar robotik mereka sendiri dan bertarung dalam gelanggang sepertimana sukan asal Jepun tersebut. Pertandingan Rero coding dan Python akan menguji kebolehan peserta untuk menyelesaikan masalah tertentu menggunakan kemahiran pengaturcaraan secara kreatif, manakala untuk "Mobile Apps", peserta berpeluang untuk membangunkan aplikasi mudah alih pilihan sendiri dan menjual idea serta produk mereka kepada barisan panel.

Tidak dilupakan juga pertandingan Young Makers@MakerFest, dimana peserta akan "mempromosikan" hasil karya mereka sendiri kepada pengunjung PISF. MakerFest ialah himpunan para "makers" bersama produk-produk mereka yang bertujuan untuk mewujudkan kesedaran, mempromosikan budaya "makers" dalam komuniti serta mempamerkan bakat individu dalam penghasilan karya. Selain itu, PISF juga menganjurkan bengkel pematerian kepada pengunjung yang berminat untuk mempelajari dan menghasilkan "fidget spinner" sendiri!

Acara ini adalah percuma dan terbuka untuk semua peringkat umur. Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web *www.pscpen.com*. Rebutlah peluang ini untuk mendalami dunia sains dan teknologi bersama kami di PISF 2017!






PAMERAN yang diadakan memberi peluang kepada pelajar untuk belajar secara langsung.



PELUANG bagi '*Makers*' mempamerkan kemahiran masing-masing sambil memberi pendedahan kepada orang ramai.

# KM arah agensi Pusat runtuhkan struktur binaan rumah tidak selamat

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**



**KETUA Menteri, Jagdeep Singh Deo, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan wakil-wakil berwajib ketika mengadakan lawatan ke tapak projek Mutiara Ria di sini baru-baru ini.**





**KEADAAN di tapak projek.**

**SUNGAI PINANG -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng mengarahkan agensi Persekutuan, JKP Sdn. Bhd. (JKPSB) supaya meruntuhkan rangka struktur binaan bangunan perumahan dua tingkat projek Mutiara Ria di sini.

Kata beliau, langkah tersebut adalah demi memastikan para pembeli rumah kos rendah (KR) dan kos sederhana rendah (KSR) di sini benar-benar mendiami unit kediaman yang selamat.

"Kita (Kerajaan Negeri) arah runtuhkan bangunan ini kerana struktur binaan adalah tidak selamat," tegas Guan Eng kepada pemberita ketika melawat tapak projek tersebut pada 13 Oktober lalu.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo; Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim dan Ahli Parlimen Jelutong, Jeff Ooi Chuan Aun turut sertai sidang media tersebut.

Hadir sama, Penasihat Strategik Kepada Ketua Menteri, Datuk Saifuddin Nasution Ismail; Setiausaha Bandaraya bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) Ar. Yew Tung Seang.

Difahamkan, projek perumahan itu sepatutnya dibina 17 tingkat, dengan terdiri daripada 192 unit kediaman KR dan 192 KSR.

Namun, projek perumahan agensi persekutuan yang dimulakan pada hujung tahun 2015 tersebut terpaksa dihentikan sepenuhnya pada hujung tahun lalu.

Mengulas lanjut, Guan Eng mengarahkan wakil pemaju meneruskan bayaran sewa kepada semua pembeli unit kediaman di sini dalam tempoh enam bulan lagi, memandangkan pemajuan semula projek tersebut terpaksa dilanjutkan.

Bercakap pada sidang media sama, wakil pemaju, Ir. Samrulzaman K. Mohideen menyatakan bahawa kerja-kerja perobohan bangunan tersebut akan dilaksanakan pada hujung bulan Oktober ini, sebagai menurut arahan Guan Eng.

Tambah beliau, pemajuan semula projek perumahan di sini dijangka siap sepenuhnya pada hujung tahun depan, untuk didiami oleh para pembeli rumah.

Dalam perkembangan lain, Guan Eng turut mengarah JKPSB menilai tahap keselamatan pada 15 daripada 24 tingkat struktur binaan, satu lagi projek 392 unit RMM tidak jauh dari lokasi berkaitan.

"Satu lagi bangunan, juga sedang kita (Kerajaan Negeri) siasat adalah projek rumah mampu milik kerana kontraktor sama," jelasnya.

Beliau meminta Samrulzaman memberikan hasil penilaian pada struktur bangunan tersebut terlebih dahulu, sebelum Kerajaan Negeri membuat keputusan untuk turut merobohkan projek itu atau sebaliknya.

# Perselisihan di perkarangan Masjid Makbul selesai ikut 'semangat Pulau Pinang' - Exco Agama

**SUNGAI PINANG -** Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim menganggap isu kekecohan kaum di perkarangan Masjid Makbul Sungai Pinang baru-baru ini berjaya diselesaikan mengikut 'semangat Pulau Pinang'.

Selepas insiden itu, beliau memberitahu, kumpulan anak muda yang dipercayai memalu gendang ketika solat berjemaah Isyak sedang berlangsung baru-baru ini, telahpun saling bertemu dengan jawatankuasa kariah berkenaan demi menyemarak lagi keharmonian kaum.

"Isu ini telahpun ditangani dengan baik, ini adalah 'semangat Pulau Pinang' kerana pihak penganjur sendiri mengaku tidak mengawal anggotanya, dan telahpun saling meminta maaf dengan jawatankuasa kariah Masjid Makbul," jelasnya kepada pemberita ketika menyertai Ketua Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri melawat sebuah projek perumahan Mutiara Ria kendalian agensi Persekutuan JKP Sdn. Bhd. (JKPSB) di sini 13 Oktober lalu.

Bercakap pada sidang media sama, Penasihat Strategik Kepada Ketua Menteri, Datuk Saifuddin Nasution Ismail menganggap insiden di perkarangan masjid tersebut berpunca oleh sentimen perkauman tebal yang telah lama wujud di tanah air ini serta cuba disemarakkan oleh pihak-pihak tidak bertanggungjawab tertentu.

Bagaimanapun menurut beliau, pihak Abdul Malik dilihat berjaya mencegah sentimen perkauman itu begitu cepat, dengan mendorong perbincangan kedua-dua belah pihak terbabit secara harmoni atas 'semangat Pulau Pinang'.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim pula mensyorkan pihak polis supaya memberi penjelasan lanjut serta menerangkan garis panduan program




**ABDUL Malik Abul Kassim.**

berwajib sebelum mengeluarkan satu-satu permit kebenaran penganjuran.

Tambah beliau, langkah sebegitu adalah demi memastikan insiden yang boleh mencetuskan ketegangan kaum seperti di perkarangan tepi Masjid Makbul Sungai Pinang tidak lagi berulang pada masa hadapan di negeri ini.

# Maimumah terima anugerah MPC, MBPP diiktiraf 5 Bintang

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **MBPP**

**PADANG KOTA -** Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Maimunah Mohd. Sharif dianugerahkan sijil 'Kepimpinan Melalui Teladan, Peningkatan Produktiviti daripada Perbadanan Produktiviti Malaysia (*Malaysia Productivity Improvement*, MPC) baru-baru ini.

Berkongsi kegembiraan tersebut bersama-sama para pemberita sejurus Mesyuarat Biasa Majlis Bilangan 9 Tahun 2017, Maimunah berkata, penganugerahan itu menjadi pemangkin kepadanya untuk terus menerajui pihak berkuasa tempatan (PBT) berkaitan agar produktiviti kerja dapat dipertingkatkan termasuk memberi perkhidmatan terbaik serta berkualiti kepada rakyat Pulau Pinang.

"Bagi saya, ini bukanlah anugerah individu semata-mata, bahkan hasil usaha dan juga kerja keras daripada semua warga MBPP yang menjalankan tanggungjawab sehabis baik," ujarnya yang menyatakan komitmen untuk terus membangunkan aspek pengukuran produktiviti seperti kedudukan daya saing, kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan MBPP di sini.

Dalam perkembangan sama, Maimunah turut memaklumkan bahawa MBPP juga menerima penarafan 5 Bintang bagi tahun 2016 daripada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

"Penarafan 5 Bintang yang diberikan melalui Sistem Penarafan Bintang PBT oleh KPKT membuktikan prestasi yang memberangsangkan MBPP sejajar dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk terus meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

"Kita (MBPP) berada di tangga kedua dengan pungutan markah 96.24 peratus di belakang Majlis Bandaraya Ipoh (MBI), Perak...dan tahun depan kita mensasarkan tempat pertama pula," jelasnya.

Difahamkan, antara kriteria penilaian termasuklah sistem pengurusan, pengurusan pelanggan, perkhidmatan teras, penyertaan komuniti dan pandangan penduduk setempat.




**MAIMUNAH Mohd. Sharif menunjukkan sijil MPC yang diterima beliau pada sidang media di sini baru-baru ini.**

## Kaki lima bebas halangan, peniaga Lebuh Chulia sambut baik

**PADANG KOTA -** Ahli Majlis Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Muhammad Bakhtiar Wan Chik memaklumkan bahawa rata-rata peniaga di kawasan sekitar Lebuh Chulia menyambut baik saranan MBPP untuk menjadikan kaki lima kawasan berkaitan bebas halangan.

Katanya, sebelum ini, pelbagai bentuk halangan wujud sepanjang kaki lima di Lebuh Chulia sama ada struktur kekal mahupun separa kekal.

"Daripada 28 bentuk halangan kekal yang kita (MBPP) kenal pasti di Lebuh Chulia, 23 daripadanya dirobohkan sendiri oleh pemilik kedai yang sedar akan kepentingan perlunya mengosongkan laluan kaki lima daripada sebarang halangan, manakala bakinya dilakukan (dirobohkan) oleh MBPP.

"Kita (MBPP) mahu lihat kaki lima di negeri ini bebas halangan dan mesra pejalan kaki kerana ia mungkin boleh menjadi faktor kepada pengurangan penggunaan kenderaan apabila kaki lima lebih mesra pejalan kaki," ujarnya pada sidang media sejurus tamat Mesyuarat Biasa Majlis Bilangan 9 Tahun 2017 di sini baru-baru ini.

Tambah Muhammad Bakhtiar, Lebuh Chulia dijadikan sebagai projek perintis kaki lima yang mesra pejalan kaki di Pulau Pinang sebelum diperluaskan ke kawasan-kawasan lain.




**MUHAMMAD Bakhtiar Wan Chik (berdiri) ketika membuat ucapan pengesahan jawatankuasa-jawatankuasa pada Mesyuarat Biasa Majlis Bilangan 9 Tahun 2017 di sini baru-baru ini.**

## Ingkar bayar kompaun, MBPP senarai hitam lesen perniagaan



**ONG Ah Teong (berdiri) ketika berucap pada Mesyuarat Biasa Majlis Bilangan 9 Tahun 2017 di sini baru-baru ini.**

**PADANG KOTA -** Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) akan menyenaraihitamkan pemilik lesen perniagaan yang didapati mempunyai kompaun tertunggak.

Ahli Majlis bagi MBPP, Ong Ah Teong berkata, tindakan tersebut sudah dikuatkuasa serta-merta.

"Kita (MBPP) tidak akan membenarkan lagi para peniaga yang ingkar ini memperbaharui lesen perniagaan.

"Hanya selepas mereka (peniaga ingkar) membayar kompaun baru kita (MBPP) akan benarkan pembaharuan semula lesen perniagaan masing-masing," ujarnya pada sidang media sejurus tamat Mesyuarat Biasa Majlis Bilangan 9 Tahun 2017 di sini baru-baru ini.

Apabila ditanya berkenaan pembinaan pasar awam di kawasan pulau, Ah Teong memaklumkan bahawa terdapat lima pasar awam kini dalam perancangan MBPP.

"Antaranya, pasar awam di Teluk Kumbar, Batu Maung, Sungai Batu, Lembah Permai dan Batu Feringghi.

"Daripada jumlah itu, cuma pasar awam di Batu Feringghi sahaja yang sudah siap, dan lain-lain (pasar awam) dimasukkan di dalam pelan penyediaan pasar oleh MBPP bagi tempoh 10 tahun," jelasnya.

# Paintball antarabangsa rancakkan sukan, rekreasi Pulau Pinang



AKSI-aksi para peserta yang mengambil bahagian.



MAIMUNAH Mohd. Sharif (tujuh dari kiri) bergambar kenangan bersama-sama wakil-wakil jabatan, jawatankuasa pengelola dan para peserta penganjuran Kejohanan Paintball Antarabangsa Piala Datuk Bandar MBPP Tahun 2017 di sini baru-baru ini.

Gambar : **MBPP**

**JULUNG KALI...** Sebagai menyahut seruan Kerajaan Negeri dalam menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri yang bersih, hijau, selamat dan sihat, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) mengambil inisiatif menganjurkan Kejohanan Paintball Antarabangsa Piala Datuk Bandar MBPP Tahun 2017 di sini baru-baru ini.

Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Maimunah Mohd. Sharif berkata, kali terakhir pihak berkuasa tempatan (PBT) berkaitan menganjurkan kejohanan paintball adalah pada tahun 2014.

"Justeru, tahun ini, kita (MBPP) cuba membuat yang terbaik dengan menganjurkan kejohanan bertaraf antarabangsa bertujuan menarik peserta dari dalam dan luar negara,'' katanya ketika hadir pada majlis perasmian penganjuran berkaitan.

Hadir sama, Setiausaha Bandaraya MBPP, Ar. Yew Tung Seang, Rashidah Jalaludin (Pengarah Khidmat Kemasyarakatan MBPP) dan Rizuwan Salleh (Pemangku Pengarah Jabatan Bangunan MBPP).

Kejohanan berkaitan berlangsung dari 30 September hingga 1 Oktober di Kompleks Belia & Sukan Negeri Pulau Pinang, Batu Uban.

## Pengecualian cukai taksiran dipertimbang ikut Seksyen 134 dan 135, Akta Kerajaan Tempatan 1976 – Datuk Bandar

**GEORGE TOWN -** Permohonan bagi pengecualian cukai taksiran di bawah Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) akan dipertimbangkan mengikut Seksyen 134 dan 135, Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Perkara tersebut diumumkan Datuk Bandar MBPP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif pada Mesyuarat Biasa Majlis Bilangan 9 Tahun 2017 di sini baru-baru ini.

Katanya, permohonan berkaitan adalah meliputi rumah-rumah ibadat, tanah perkuburan atau krematorium awam berlesen, sekolah awam, tempat awam yang digunakan bagi maksud khairat, sains, seni serta pegangan yang digunakan tujuan rekreasi, sosial atau kebajikan dan bukannya bermotifkan keuntungan.

"Bagi tujuan pertimbangan pengecualian cukai ini, pihak pemohon hendaklah mengemukakan beberapa salinan dokumen serta dua kriteria yang perlu dipenuhi sebelum syarat-syarat lain dipertimbangkan.

"Permohonan boleh dihantar terus ke Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta, MBPP, Paras 12, Komtar atau menerusi pertanyaan dengan menghubungi, 04 - 259 2266 atau faksimili, 04 - 263 3763, atau emel, *jabatanpenilaian@mbpp.gov.my*," jelas Maimunah.

## Bersama promosi foto seni Pekan Lama Butterworth, seru YDP

**SEBERANG JAYA –** Agensi pelancongan dan hotel serta hartanah diseru untuk sama-sama bergiat aktif dalam mempromosikan foto-foto seni yang memaparkan Pekan Lama Butterworth melalui saluran media sosial khas yang disediakan.

Seruan tersebut dibuat Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud ketika menyempurnakan Majlis Penyampaian Hadiah Star Sanctuary Seberang Perai Photography (SSSPP) Awards dekat ibu pejabat MPSP di sini baru-baru ini.

Katanya, perkara tersebut adalah perlu untuk menjadikan Butterworth sebagai hab pengangkutan, kesenian dan kebudayaan di wilayah Koridor Utara.

"SSSPP ini dilihat mampu mempromosikan dan menghidupkan kembali Pekan Lama Butterworth.

"Impak daripada program-program yang dijalankan oleh MPSP seperti *Butterworth Fringe Festival* (BFF), *Heritage Walk* dan sebagainya telah menunjukkan peningkatan Nilai Kasar Domestik (GDV) sebanyak 2.3 kali ganda berbanding tahun 2015, iaitu RM132,500,000 kepada RM306,858,693 pada tahun 2017," ujarnya pada majlis berkaitan.

Hadir sama, Ahli-ahli Majlis MPSP.

Tambah Rozali, jika melancong ke negara-negara maju, gambar hiasan berlatarbelakangkan budaya tempatan sebenarnya boleh dilihat dan ditemui di hotel-hotel yang merupakan salah satu medium dalam mempromosikan pelancongan setempat.




NURUL Ain Sheirah Norazmein menunjukkan replika cek yang diterima beliau dalam SSSPP Awards di sini baru-baru ini.

Penganjuran pertandingan kali kedua tersebut memperlihatkan penyertaan sebanyak 984 peserta, yang mana ia dibahagikan kepada empat kategori iaitu profesional, penduduk Seberang Perai, pelajar sekolah menengah 13 hingga 20 tahun dan media sosial.

Bagi Kategori Profesional, Foong Poh Seng berjaya muncul johan, manakala Ng Wai Meng (Kategori Penduduk Seberang Perai).

Nurul Ain Sheirah Norazmein dari Sekolah Menengah Kebangsaan Batu Kawan mengondol juara Kategori Pelajar Sekolah Menengah 13 hingga 20 tahun dan Lim Lean Eng (Kategori Media Sosial).

Dalam pada itu, Nurul Ain ketika ditemui memberitahu, ia merupakan penyertaan beliau yang kedua.

"Alhamdulillah dua kali dah jadi juara... saya memang ada minat mendalam dalam bidang ini, dan berhasrat untuk mendalami lagi ilmu fotografi," jelasnya kepada Buletin Mutiara.

# ADUN teruskan sumbangan Deepavali

**SUMBANGAN BERTERUSAN...** Seramai 200 penduduk terpilih sekitar Desa Mawar, Farlim baru-baru ini menerima sumbangan sempena sambutan Deepavali di sini baru-baru ini.

Sumbangan tersebut disampaikan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai.

Menurut Hon Wai, sumbangan seumpama itu telah diadakan selama lima tahun berturut-turut hasil usaha sama pihaknya bersama-sama Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Happy Valley.

"Walaupun sumbangan ini tidak seberapa, namun barangan keperluan harian ini diharap dapat meringankan beban mereka yang menyambut Pesta Cahaya.

"Kebajikan adalah salah satu daripada tanggungjawab Kerajaan Negeri kepada rakyat... anda semua boleh lihat bahawa sejak tahun 2008, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan banyak program bantuan kebajikan melalui pelaksanaan pelbagai skim.

"Bantuan diberi juga tanpa mengira latar belakang, agama dan bangsa... semua kita tolong," katanya yang juga Setiausaha Politik Kepada Ketua Menteri pada majlis berkaitan.



WONG Hon Wai (tengah) bergambar kenangan bersama-sama sebahagian penerima sumbangan sempena sambutan Deepavali di sini baru-baru ini.






# Lawan, ganyang aedes habis-habisan, gesa ADUN

Teks & Gambar : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**PANTAI JEREJAK** – Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon mengajak rakyat Pulau Pinang khususnya para penghuni di Blok 1, Jalan Tengah di sini untuk melawan dan ganyang nyamuk aedes habis-habisan dalam usaha menangani penularan wabak berkenaan.

Menurut beliau, pelbagai usaha dilakukan Kerajaan Negeri dalam memastikan ia dapat dibendung ekoran jumlah kematian yang dicatatkan adalah membimbangkan.

"Baru-baru ini, saya bersama-sama Ketua Menteri ada membuat lawatan di Bayan Lepas di kediaman salah seorang mangsa yang meninggal akibat demam denggi.

"Sebagai Kerajaan Negeri, kita tidak mahu nyawa rakyat negeri ini terancam oleh denggi... kes ke-13 ini sudah melebihi jumlah kematian yang dicatatkan dalam tempoh sama tahun 2016 iaitu 12 mangsa.

"Dengan berbaki beberapa bulan lagi sebelum tahun 2018, kita (Kerajaan Neger) tidak mahu lagi ada dalam kalangan rakyat negeri ini yang menjadi korban deman denggi," katanya pada Program Gotong-Royong Bagi Membasmi Tempat Pembiakan Aedes Di Jalan Tengah, Bayan Baru baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Gan Ay Ling.

Mohd. Rashid dalam pada itu turut memuji komuniti di Jalan Tengah yang dilihat kerap mengadakan program-program gotong-royong.

"Sebenarnya ini (gotong-royong) merupakan kaedah tradisional, namun ianya masih diguna pakai sehingga hari ini kerana ia memberi banyak manfaat kepada masyarakat setempat antaranya, mengeratkan silaturahim dan paling utama adalah menjaga kebersihan setempat," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak.



**GAN Ay Ling (berbaju hitam) bergambar kenangan bersama-sama barisan penganjur dan komuniti setempat yang mengambil bahagian dalam penganjuran Program Gotong-Royong Bagi Membasmi Tempat Pembiakan Aedes Di Jalan Tengah, Bayan Baru di sini baru-baru ini.**



**MOHD. Rashid Hasnon (dua dari kanan) turut serta dalam program gotong-royong yang dijalankan.**

## SPT Fun Walk 2017 I ❤ Penang tarik peserta luar, dalam negeri

**PADANG LALANG** - Seramai 1,500 peserta memeriahkan penganjuran Seberang Perai Tengah (SPT) Fun Walk 2017 *I ❤ Penang* yang berlangsung di Kompleks Sukan dan Rekreasi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Sungai Rambai di sini baru-baru ini.

Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng berkata, progam yang julung kali dianjurkan tersebut dilihat mencapai objektifnya apabila turut mendapat penyertaan dari Perlis, Kedah dan Perak.

"Matlamat utama penganjuran program ini adalah untuk memberi kesedaran kepada masyarakat bagi menjaga kesihatan tubuh badan.

"Selain itu, ia juga membuka peluang kepada para peserta untuk mengeratkan hubungan kekeluargaan yang kadang-kala terjejas atas faktor kesibukan harian," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang pada majlis berkaitan.

Mengulas lanjut, Chong Eng memaklumkan, sejak 2006 hingga 2016, Kerajaan Negeri membelanjakan sebanyak RM42 juta dalam melaksanakan 84 projek naik taraf, pembinaan dan penyelenggaraan kemudahan sukan untuk kegunaan rakyat.



**AKSI para peserta pada penganjuran SPT Fun Walk 2017 I ❤ Penang di sini baru-baru ini.**







# ISLAM DIMARTABATKAN 2008 - 2016

## PAKATAN HARAPAN TOLAK BINA KASINO DI PULAU PINANG

- Ahli Parlimen UMNO Padang Besar sokong cadangan bina KASINO.

### PERUNTUKAN PEMBANGUNAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM

**RM457.05 juta**

1999 - 2007 : RM249.09 juta

### PERUNTUKAN PEMBANGUNAN SEKOLAH-SEKOLAH PENDIDIKAN ISLAM

**RM57.64 juta**

1999 - 2007 : RM20.11 JUTA

### EX GRATIA / BONUS / BANTUAN KHAS

**RM15.55 juta**

1999 - 2007 : TIADA

(Guru-guru KAFA, guru SAR, guru tahfiz, guru pondok dan TADIS)

### KOMPLEKS MAHKAMAH SYARIAH

Sebidang tanah di Jalan Scotland bernilai RM80 juta milik KN disumbangkan untuk pembinaan Kompleks Kehakiman & Mahkamah Tinggi Syariah Pulau Pinang.

### AGENDA EKONOMI SAKSAMA (AES)

(2009 - April 2017)

- **RM23.65 juta** disalurkan kepada 1,461 penerima
- 80% penerima Melayu

### PTSR (PROGRAM PINJAMAN MIKRO KREDIT)

(2009 - April 2017)

- **RM11.71 juta** diberikan kepada 2,540 peminjam
- 83.3% usahawan Melayu

